



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO AHAD			
TARIKH	:	11/7/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	JPNP			

Kosmo Ahad, 11 Jul 2021_10

Durian musang king biasanya berbuah tiga kali setahun

Elak ceroboh berulang kali

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

KUANTAN – Pokok durian musang king di Hutan Simpan Batu Talam di Raub terpaksa ditebang bagi mengelak pekebun-pekebun durian masuk berulang kali ke kawasan hutan simpan berkenaan apabila tiba musim berbuah.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Datuk Dr. Hizamri Mohd. Yasin berkata, keputusan menebang pokok durian musang king adalah langkah perlu memandangkan pihak JPNP tidak dapat mengawal hutan berkenaan sepanjang masa di kawasan yang begitu luas.

"Durian ini berbuah dua tiga kali setahun dan kita tidak boleh letak pegawai kita sepenuh masa untuk menjaga kawasan seluas ini.

"Kalau kita tidak musnahkan nanti musim buah dia (pekebun durian) akan masuk (ke kawasan hutan simpan), jadi kita harus letak noktah," katanya di sini baru-baru ini.

Operasi memusnahkan pokok durian musang king di kawasan Hutan Simpan Kekal Batu Talam seluas 101 hektar dimulakan pada 3 Julai lalu yang dijangka berakhir 2 Ogos depan.

Bagaimanapun operasi memusnahkan kira-kira 11,000 batang pokok berkenaan dijangka selesai lebih awal apabila 85 hektar kawasan telah dimusnahkan sehingga petang semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, operasi penebangan berjalan lancar dan cepat selepas lebih ramai petugas jabatan perhutanan negeri diarahkan menyertai operasi berkenaan.



PENEBANGAN pokok musang king di hutan Simpan Batu Talam di Raub dijangka selesai 2 Ogos ini.



KERATAN Kosmo/ 8 Julai 2021.

Katanya, operasi memusnahkan pokok durian berkenaan

tidak menggunakan jentera berat bagi memastikan tidak berlaku pembukaan tanah yang

boleh mencemarkan aliran sungai di kawasan berhampiran.

Malah katanya, keadaan kawasan berkenaan yang agak bercerun adalah tidak sesuai untuk jentera berat melakukan kerja-kerja memusnahkan pokok durian.

Ujarnya, sebaik sahaja operasi memusnahkan pokok durian berkenaan selesai pihaknya akan segera melakukan penanaman semula pokok hutan yang dikenal pasti di kawasan hutan simpan berkenaan.

